



JUHAR Mahiruddin (tengah) bersama Anwar Ibrahim, Fadillah Yusof (kanan) Ahmad Zahid Hamidi (dua kanan) dan Hajiji Noor (kiri) semasa hadir Majlis Sambutan Aidilfitri Madani di Kota Kinabalu semalam.

RM80 juta tubuh Pusat Jantung Negara Sabah

UTUSAN MALAYSIA 21 APR 2024 m/s: 3

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Hospital Queen Elizabeth 2 (HQE2), di sini akan dijenamakan semula sebagai Pusat Jantung Negara Sabah bagi memenuhi keperluan rawatan jantung di negeri ini.

Mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan memperuntukkan RM80 juta untuk menaik taraf HQE2 menjadi hospital pakar jantung, menjadikan Sabah memiliki kemudahan rawatan pakar jantung kedua di negara

selepas Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur.

“Saya umum supaya kemudahan khas atau lot khas untuk jantung negara yang disebut Pusat Jantung Negara Sabah disediakan di Sabah.

“Dengan ini kita akan tambah seramai tiga orang pakar dan 120 orang tenaga sokongan terlatih membabitkan peruntukan sebanyak RM 80 juta,” katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Kebangsaan, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) semalam.

Anwar berkata, penubuhan pusat tersebut dilakukan sete-

lah mengambil kira masalah kesihatan rakyat di Sabah yang terpaksa menaiki penerbangan mendapatkan rawatan penyakit jantung di Kuala Lumpur.

Menurut beliau, di Sarawak, atas cadangan Premier Sarawak, kerajaan bersetuju memberi dana awal menubuhkan Institut Kanser Sarawak di Kuching.

Semasa pembentangan Belanjawan 2024, Anwar berkata, kerajaan Persekutuan menyokong hasrat Sarawak untuk membangunkan sebuah institut kanser di negeri berkenaan.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, masalah kemiskinan tegar di Sabah akan cuba di-

noktahkan seboleh-bolehnya tahun ini.

Beliau berkata, meskipun masalah kemiskinan di Sabah agak parah, beliau yakin ia dapat diselesaikan menerusi kerjasama semua agensi persekutuan dan negeri.

Majlis sambutan Aidilfitri Madani itu turut dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin bersama isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni; Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor dan isteri, Datin Seri Juliah Salag dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.